

07/03/2004

Pengundi dulu lebih bertanggungjawab

Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

CARA berkempen dulu dan sekarang memang berbeza. Dulu, pada pilihan raya tahun 1950-an dan 1960-an, lebih tertumpu menerusi penyebaran poster dan ceramah di tempat terbuka.

Kini, dunia semakin maju. Ada yang menggunakan media cetak dan elektronik, ada yang berkempen menggunakan Internet, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) selain berkempen secara tradisi iaitu berceramah di khalayak ramai.

"Dulu, isu kempen merangkumi pengisian kemerdekaan termasuk projek membina jalan kampung, bekalan air dan elektrik serta pendidikan asas yang membawa kepada pembukaan sekolah buta huruf, tapi kini isunya berbeza," kata Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, 80.

Beliau adalah antara tokoh yang pernah bertanding di peringkat kerusi Parlimen dan DUN pada pilihan raya ketika awal kemerdekaan. Pada pilihan raya umum 1959, beliau bertanding sebagai calon Perikatan (kini Barisan Nasional) bagi DUN Kota Kuala Muda, disusuli Sungai Petani pada 1964 sebelum bertukar ke Parlimen Kota Setar Utara pada 1969.

"Ketika merdeka dulu, saya bertugas di Alor Setar sebagai peguam. Saya diminta oleh Badan Perhubungan Umno Kedah diketuai Tan Sri Syed Omar Shahabudin untuk menjadi calon Perikatan di Kota Kuala Muda.

"Ketika ini dalam pilihan raya di Kedah, kebanyakan calon datang dari kawasan Alor Star yang sudah agak maju berbanding tempat lain dan masyarakat mengharapkan orang yang mempunyai kebolehan sebagai calon.

"Ketika itu, peluang menjadi calon Parlimen atau DUN tidak menjadi rebutan kerana wakil rakyat hanya menerima elaun RM500 hingga RM750 sebulan. Kadar itu bukan lumayan, jika dibandingkan kerjaya sebagai peguam ketika itu," katanya.

Ketika ini, Ahli Parlimen menerima RM9,026.90 sebulan yang merangkumi Elaun Dewan Rakyat RM5,916.90; Elaun Perjalanan RM210; Elaun Keraian RM1,500; Elaun Perumahan RM500, Telefon RM400 dan Bayaran Khas RM500.

Jumlah elaun bulanan itu tidak termasuk bayaran RM200 setiap kali menghadiri persidangan Parlimen dan RM150 ketika menghadiri taklimat. Mereka juga menerima pelbagai kemudahan lain yang disediakan kerajaan.

Mohamed Zahir berkata, pembabitannya dalam Umno sejak penubuhan parti itu pada 1946 dan kedudukannya sebagai anak Melayu pertama menjadi peguam di Utara Semenanjung adalah faktor beliau dipilih sebagai calon Perikatan pada 1959.

"Ketika itu, masyarakat di Kedah hidup dalam serba kekurangan. Peluang pendidikan setakat Sekolah Melayu. Begitu juga kaum Cina dan India. Peluang masuk Sekolah Inggeris cukup sukar dan terhad di Alor Setar, Kulim dan Sungai Petani saja.

"Namun, ketika itu, kesedaran terhadap kepentingan keluar mengundi sudah disedari oleh rakyat selepas negara mencapai merdeka berikutan pilihan raya pada 1955," katanya.

Beliau berkata, pada 1959, isu kempen merangkumi pengisian kemerdekaan termasuk projek jalan kampung, bekalan elektrik serta pendidikan asas yang membawa kepada pembukaan sekolah buta huruf.

"Masa kempen memang meriah, tetapi kebanyakannya kempen berjalan pada waktu malam kerana sebelah siang penduduk luar bandar keluar mengusahakan sawah, ladang getah dan kebun masing-masing.

"Tanpa sebarang sebaran maklumat menerusi media massa seperti sekarang, program kempen diatur dan dimaklumkan kepada orang ramai menerusi poster

serta hebahan mulut ke mulut," katanya.

Lokasi berkempen ketika itu adalah tempat terbuka berikutan ketiadaan kemudahan awam seperti dewan. Biasanya, petugas parti membina pentas kecil atau cukup sekadar berdiri di atas meja ketika berucap supaya dapat dilihat semua penduduk.

Ketika itu semua kempen yang dijalankan tidak memerlukan permit daripada polis. Setiap calon bergantung kepada petugas parti yang menguruskan tempat perjumpaan dengan penduduk.

Namun, berdasarkan pengalaman Mohamed Zahir yang menghadapi calon Pas dalam sejarah pilihan raya yang ditempuhinya, parti itu menggunakan isu Islam hingga kini.

"Namun, satu peristiwa yang masih kekal dalam ingatan saya ketika berkempen pada pilihan raya 1959, Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, datang berkempen di kawasan Kota Kuala Muda yang saya tandingi.

"Seorang warga tua lingkungan 50 tahun, saya kenal sebagai Pak Hussin, berbisik kepada saya mengenai hasratnya untuk mencium kepala Tunku. Meskipun serba salah, demi memenuhi hajatnya saya sampaikan hasratnya itu.

"Tunku pantas berkata, boleh. Mai (mari) sini. Beliau membuka songkoknya lalu mengesat peluh di dahi sebelum membenarkan Pak Hussin mencium dahinya. Kami yang melihatnya, rasa terharu dengan sikap terbuka Tunku," katanya.

Beliau berkata, ketika itu Tunku amat disanjung tinggi oleh orang Melayu kerana kedudukannya sebagai anak raja masih sanggup turun dan mendekati rakyat jelata yang sentiasa menyanjungi tinggi institusi kesultanan dan raja-raja Melayu.

Katanya, penduduk luar bandar memang bangga terhadap kehadiran pemimpin negara serta anak raja turun melawat dan meninjau kehidupan mereka secara lebih dekat.

Menurut Mohamad Zahir, berikutan kempen yang dijalankan tanpa sebarang peraturan dan keperluan permit pihak berkuasa, ketika itu juga beliau tidak terlepas daripada serangan terhadap peribadi.

"Pada 1969, pembangkang mendakwa saya berketurunan Cina kerana boleh bercakap Cina. Terpaksa saya bawa emak untuk beri penjelasan kepada pengundi ketika berkempen.

"Pada ketika itu, saya bertanding di Parlimen Kota Setar Utara, manakala Dr Mahathir (bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad) bertanding di Kota Setar Selatan.

"Pengasas Gerakan, Tan Sri Dr Tan Chee Khoo, datang berkempen. Dia menyerang dengan menuduh saya, Dr Mahathir, Tan Sri Khir Johari dan Tan Sri Senu Abdul Rahman, adalah calon Ultra Melayu berikutan kelantangan kami melaungkan kedudukan orang Melayu yang banyak ketinggalan dalam ekonomi dan pendidikan," katanya.

Akibat kempen menyerang peribadi itu, pengundi Cina yang sebelumnya menyokong Perikatan termasuk petugas parti yang membantu calon Perikatan mengubah sokongan mereka kepada pembangkang menyebabkan mereka kalah.

Namun, Peristiwa 13 Mei 1969 yang diikuti dengan pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), menyedarkan masyarakat bukan Melayu bahawa dalam sesebuah negara, tidak boleh ada kaum yang terlalu kaya dan terlalu miskin.

Berikutan itu juga, kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam usaha meningkatkan ekonomi Bumiputera tetapi pada sama tidak merampas hak bukan Melayu.